



# PANDUAN SISTEM PENGKREDITAN TERUS KE DALAM AKAUN BANK

## \* DOKUMEN UTAMA

1. Salinan Kad Pengenalan /salinan Kad Pengenalan Sementara atau salinan BAT C 10 / salinan BAT C 10 Sementara.
2. Salinan muka hadapan Buku Akaun Bank yang mengandungi butir-butir akaun tuan/puan atau Penyataan Pelanggan (Customers Inquiry)/Penyataan Deposit (Deposit Inquiry) bank yang asal.
3. Jika permohonan tuan/puan dihantar melalui pos, salinan dokumen hendaklah disahkan oleh Pegawai Bank berkenaan (dicop nama dan jawatan).
4. Jika permohonan tuan/puan dihantar melalui serahan kaunter, sila kemukakan dokumen asal berserta salinannya bagi tujuan pengesahan oleh Pegawai Kaunter LTAT.
5. Setiap salinan buku/Penyataan Pelanggan (Customers Inquiry)/Penyataan Deposit (Deposit Inquiry) bank tersebut hendaklah diturunkan cap ibu jari kiri dan kanan di atasnya.

## SENARAI PANEL BANK YANG DILANTIK OLEH LTAT BERSERTA KOD BANK

Bank-bank yang dilantik oleh LTAT untuk kemudahan Sistem Pengkreditan Terus Ke Dalam Akaun Bank Ahli

| Kod Bank | Nama Bank                  | Kod Bank | Nama Bank              |
|----------|----------------------------|----------|------------------------|
| 01       | AFFIN BANK Berhad          | 07       | EON Bank               |
| 02       | CIMB Bank                  | 08       | Hong Leong Bank        |
| 03       | Malayan Banking            | 09       | Public Bank            |
| 04       | Bank Islam Malaysia Berhad | 10       | RHB Bank               |
| 05       | Alliance bank              | 11       | Bank Rakyat            |
| 06       | Ambank                     | 12       | Bank Simpanan Nasional |

## MAKLUMAN PENGKREDITAN BAYARAN TELAH DIKREDITKAN KE DALAM BANK

Arahan kepada pihak bank untuk mengkreditkan pembayaran kedalam akaun Tuan/Puan akan dibuat dalam tempoh 24 jam hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen lengkap.

## BAYARAN YANG TIDAK BOLEH DIKREDITKAN KE DALAM AKAUN BANK

Bayaran tidak boleh dikreditkan ke akaun bank anda atas sebab-sebab berikut:

- i) Akaun bank anda dikategorikan sebagai negatif:
  - Pemegang akaun adalah seorang muflis
  - Akaun bank telah ditutup
  - Akaun bank dipanggil (account under recall)
  - Pemegang akaun tidak siuman
  - Akaun bank digarnis
  - Akaun bank dibekukan
  - Pemegang akaun di bawah tindakan undang-undang
  - Pemegang akaun telah meninggal dunia
  - Akaun bank dorman (yakni tidak aktif bagi tempoh 1 tahun ke atas)
- ii) Anda tidak mencatatkan butiran akaun bank anda dengan tepat.

